

15 JAN 1997

Anwar-Kontrak

ANWAR: ADA DAKWAAN MENGENAI PENYELEWENGAN DALAM KONTRAK TELEKOM

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini berkata beliau telah menerima "laporan awal" mengenai dakwaan berlaku penyelewengan dalam menawarkan kontrak telekomunikasi dalam negara.

Katanya jika dakwaan itu benar, maka tindakan akan diambil terhadap mereka terbabit.

Anwar, yang juga Menteri Kewangan, berkata beliau telah memberitahu Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu sebelum Perdana Menteri berlepas ke Amerika Syarikat untuk mempromosi Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Perdana Menteri dan saya telah membincangkan perkara itu dan jika berlaku penyelewengan, tindakan sewajarnya akan diambil," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai Barang-barang Perlu.

Beliau menjawab pertanyaan daripada seorang wartawan.

"Setakat ini, pihak berkuasa tidak mempunyai maklumat untuk membolehkan tindakan diambil kerana dakwaan itu terlalu umum dan tidak mencukupi untuk mengesahkan dakwaan berlaku penyelewengan dalam menawarkan tender telekomunikasi," katanya.

Anwar berkata beliau telah mengarahkan bahagian kontrak di Kementerian Kewangan untuk "berbincang dengan Telekom Malaysia" supaya semua prosedur dipatuhi dan berlaku ketelusan.

"Ketua Pegawai Eksekutif Telekom Malaysia Datuk Mohd Said Mohd Ali diberitahu mengenai perkara itu sebelum beliau berlepas ke Amerika Syarikat bersama-sama Perdana Menteri," katanya.

-- BERNAMA

ARA CTL AHH